
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JPG 412 – Komputer dan Pendidikan

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SOALAN NO. 1 dan DUA (2) soalan lain.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Keseluruhan soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Zoraini Wati Abas (1996) menyarankan beberapa jenis strategi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PPBK).

Nyatakan strategi yang disarankan itu dan huraikan kelebihan, kelemahan dan berikan contoh yang sesuai bagi setiap satu strategi yang dinyatakan itu.

(40 markah)

2. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perkakasan dan perisian komputer?

(5 markah)

- (b) Nyatakan jenis-jenis perkakasan dan perisian komputer dan huraikan peranannya.

(25 markah)

3. Sebelum sesuatu perisian kursus Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PPBK) digunakan, ia perlu melalui proses penilaian. Bincangkan proses penilaian itu dengan memberi penekanan kepada tujuan, langkah-langkah dan kriteria membuat penilaian.

(30 markah)

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan virus komputer? Apakah tanda-tanda dan kesan virus terhadap komputer serta langkah-langkah pencegahannya.

(15 markah)

- (b) Bincangkan peranan guru semasa mengendalikan sesuatu kelas Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PPBK).

(15 markah)